

# Kempen beli barang buatan Malaysia lebih bermakna

**PUTRAJAYA 3 Sept.** - Kempen membeli barangan buatan Malaysia dilihat lebih efektif dan menyeluruh kerana manfaatnya lebih besar kepada negara.

Justeru, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pihaknya akan memfokuskan untuk menjayakan kempen itu.

“Pihak kementerian telah menerima peruntukan sebanyak RM20 juta daripada kerajaan untuk menjayakan kempen ini.

“Asal rakyat Malaysia yang menghasilkan barangan, kementerian akan bantu mempromosikan kempen barangan

buatan Malaysia yang jauh lebih bermakna untuk rakyat dan negara,” katanya selepas

Majlis Pelancaran Food Bank Master Malaysia 2019 di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai usaha kempen membeli barangan buatan Malaysia yang digerakkan susulan inisiatif kempen utamakan produk Muslim sejak kebelakangan ini.

Kempen utamakan produk Muslim dilihat menerima sokongan khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu dan bumiputera tetapi mendapat bantahan pelbagai pihak termasuk dalam kalangan anggota Jemaah Menteri.



**SAIFUDDIN  
NASUTION ISMAIL**